

Nama: _____

Kelas: _____



**UJIAN SUMATIF 2021
BAHASA MELAYU (02/1)
TINGKATAN 3
1 JAM**

NAMA GURU SUBJEK:

3A : RHONA JIGA	3B : MOHD SHOKRI	3C: NUR AMIZA	3D: SITI FATIMAH	3E: CYNTHIA ULAU
-----------------	------------------	---------------	------------------	------------------

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B serta Bahagian C.

BAHAGIAN A

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

Soalan 1 – 6

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Dalam perlawanan badminton itu, kedua-dua orang pemain telah memberikan saingan yang _____.
A sengit
B tegang
C hangat
D tangkas
2. Mangsa ragut yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital itu _____ tidak sedarkan diri.
A akan
B perlu
C masih
D pernah
3. Suasana di jeti menjadi _____ pada waktu pagi ketika para nelayan memungkah hasil tangkapan mereka.
A hiruk-pikuk
B porak-poranda
C dentam-dentum
D tunggang-langgang
4. Munir menemui sekaki cendawan yang besar _____ mengikuti ekspedisi mendaki gunung.
A agar
B ketika
C kerana
D manakala
5. Suhana bukan sahaja pandai menyanyi _____ berbakat dalam bidang tarian.
A namun
B mahupun
C bahkan juga
D tambahan pula

6. Pohon nyiur di tepi pantai itu _____ ditiup angin.
A meliuk-liuk
B melayang-layang
C mengibas-ngibas
D melambai-lambai

Soalan 7 - 8

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

7. Kita digalakkan agar membeli barangan pembuatan Malaysia untuk mengelakkan pembaziran. Tiada kesalahan
A B C D
8. Perasaan cinta akan negara haruslah dipupuk dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 9 - 10

Pilih ayat-ayat yang mengandungi **kata yang berhuruf condong** dengan betul.

9. I Adik menarik-narik tiub basikal yang *kental* itu.
II Jalan raya itu berlubang kerana permukaannya yang tidak *kental*.
III Pendaki yang bersemangat *kental* itu telah berjaya mendaki gunung.
IV Ibu menyuruh kakak mengacau adunan puding jagung itu hingga *kental*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
10. I Pasangan pengantin itu sama cantik dan sama *padan*.
II Tudung yang dipakai oleh adik *padan* sungguh dengan warna kulitnya.
III Perangai gadis itu sangat teruk dan tidak *padan* dengan wajahnya yang cantik.
IV Paras air di sungai itu *padan* dengan hujan tanpa henti selama dua jam.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 11 - 12

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

11. Murid perempuan itu menjawab dengan pantas soalan kuiz untuk mengutip markah yang tinggi.
A menjawab pantas soalan kuiz
B dengan pantas dijawab soalan kuiz
C menjawab soalan kuiz dengan pantas
D menjawab dengan pantas soalan kuiz
12. Pemandangan matahari terbenam di jeti lama itu sungguh amat terindah.
A amat terindah
B sungguh indah
C amat sungguh indah
D sungguh amat terindah

Soalan 13 - 14

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

13. I Semua pemuda itu terpegun apabila terpandang oleh wajah tuan puteri.
II Pada waktu tengah malam, Ziyad melihat dua orang lelaki sedang mengumpul tingkap rumah jirannya.
III Sampai bila-bila pun dia tidak akan berjaya jika sikapnya yang malas itu tidak dikikis.
IV Sudah lama dia tidak mendengar berita dari sahabatnya yang bermastautin di Eropah.
A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
14. I Bas dari Kuala Lumpur akan tiba dalam masa 20 minit.
II Setiap dugaan yang datang patut kita hadapi dengan hati yang cekal dan tabah.
III Murid itu disayangi akan guru-guru kerana perilakunya yang berbudi bahasa.
IV Kedatangan para pelancong daripada China ke negara ini semakin meningkat.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 15 - 17

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

15. Kumar sering dipergunakan dan dipermainkan oleh pihak tertentu kerana sikapnya yang jujur serta lurus itu.
Sikap Kumar sesuai dengan peribahasa
A kecut hati
B bidan terjun
C berat mulut
D lurus bendul

16. Kelakuan Nora dan kembarnya, Norin begitu berbeza walaupun rupa paras mereka hampir sama. Perbezaan kelakuan antara kedua-dua beradik ini ibarat
- A isi dengan kuku
 - B langit dengan bumi
 - C kera mendapat bunga
 - D pisang berbuah dua kali
17. Syafiq melakukan kerja rumah yang disuruh ibunya secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh.
- A ukur baju di badan sendiri
 - B sudah terhantuk baru tengadah
 - C bagai melepaskan batuk di tangga
 - D hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

Soalan 18 - 21 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Beluntung menyandang beg kanvas hijau tua, sementara tangan kirinya memegang karung guni. Di hadapannya, Tuyog tertambat pada pokok nangka. Beluntung mengusap-usap pangkal ekor Tuyog. Ekornya melentik. Tuyog bertambah jinak dan mesra. Beluntung meletakkan karung itu di belakang Tuyog. Dia mengusap-usap pangkal ekornya lagi sebelum membuka tali tambatan, kemudian naik di belakang Tuyog.

Bawod yang sejak tadi menjerit-jerit kini bertambah-tambah kuat jeritannya. Bawod mengekori Tuyog yang mula menjejakkan kaki di tebing Sungai Layong. Tuyog menguak dan berhenti langkah. Beluntung *mengasak-asakkan kedua-dua belah kaki ke tulang* rusuk Tuyog beberapa kali. Tuyog melangkah kembali. Beluntung cepat-cepat memegang ekor Tuyog apabila Tuyog turun ke sungai. Ekor itu dipegangnya kuat-kuat. Dia takut terlorot ke leher Tuyog atau terjatuh ke dalam sungai. Bawod masih juga menjerit-jerit. Apabila Tuyog berjalan, Bawod berlari-lari ke hulu ke hilir sungai itu. Tuyog dan Beluntung kini sudah menyeberangi sungai. Bawod masih lagi menjerit-jerit.

Dipetik daripada cerpen drama *Bawod*,
Antologi Bintang Hati, Indah Bahasa Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

18. Rangkaian kata *mengasak-asakkan kedua-dua belah kaki ke tulang* rusuk membawa maksud
- A membelai-belai tulang rusuk
 - B mengusap-usap tulang rusuk
 - C menendang-nendang tulang rusuk
 - D merapatkan kaki dengan kuat pada tulang rusuk
19. Nyatakan latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.
- A Sekolah
 - B Belakang Tuyog
 - C Halaman rumah
 - D Tebing Sungai Layong
20. Pada pendapat anda, mengapakah Bawod menjerit-jerit apabila Tuyog mula menjejakkan kaki ke dalam sungai ?
- A Bawod takut akan air
 - B Bawod ingin mengikut Tuyog
 - C Beluntung meninggalkan Bawod
 - D Beluntung naik di belakang Bawod

21. Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan watak bagi Tuyog, Beluntung dan Bawod.
- A Tuyog (manusia), Beluntung (kambing) dan Bawod (kerbau)
 - B Tuyog (kambing), Beluntung (manusia) dan Bawod (kerbau)
 - C Tuyog (kerbau), Beluntung (manusia) dan Bawod (kambing)
 - D Tuyog (kerbau), Beluntung (kambing) dan Bawod (manusia)

Soalan 22 – 25 berdasarkan sajak di bawah.

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah sudah bercahaya
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu.

Dipetik daripada antologi 'Bintang Hati',
Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka

22. Berdasarkan rangkap pertama sajak, penyajak menjangkakan bahawa ayah dan ibunya pasti gembira jika
- A dia berjaya terbang ke langit memetik bintang-bintang.
 - B dia membawa pulang bintang-bintang di angkasa untuk ayah dan ibunya.
 - C dia membawa pulang bintang-bintang yang bercahaya untuk ayah dan ibunya.
 - D dia menerangi rumahnya dengan cahaya yang terang daripada bintang di langit.
23. Mengapakah ibu tidak memerlukan bintang yang bercahaya?
- A Cahaya bintang tidak akan kekal lama
 - B Ibu sudah memiliki bintang hati iaitu penyajak
 - C Keluarga sudah dianggap cahaya yang sebenar
 - D Kebahagiaan dianggap cahaya yang sudah dimilikinya
24. Berdasarkan sajak tersebut, penyajak seorang yang _____ terhadap ibu bapanya.
- A angkuh
 - B pmarah
 - C penyayang
 - D mementingkan diri
25. Pada pendapat anda, apakah kebaktian yang perlu dilakukan oleh anak-anak terhadap ibu bapa yang tua?
- A Selalu memberikan ibu bapa wang
 - B Memberikan tempat tinggal yang selesa
 - C Memastikan ibu bapa dalam keadaan sihat
 - D Terus memberikan perhatian sepanjang hayat mereka

BAHAGIAN B
[10 markah]
[Masa dicadangkan : 10 minit]

1(a) Dalam iklan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

PROMOSI JUALAN HEBAT
 Dari 1 April hingga 30 April

* Pakaian lelaki * Pakaian wanita * Pakaian bayi * Kasut * Kelengkapan dapur	* Alatulis * Barangan permainan kanak-kanak * Barangan pelastik * Barangan cenderahati
--	---

**POTONGAN
SEHINGGA
70%!**

Datanglah segera ke: Pasaraya Mega, Bersebelahan Pejabat Pos,
 Jalan Sentosa, 26800 Rompin, Pahang.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

1(b) Dalam iklan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Jom Bercuti ke Pulau Tioman!

Keistimewaan dan aktiviti

- ➔ Meneroka hutan
- ➔ Mandi-manda di Air Terjun Asah
- ➔ Mendaki gunung
- ➔ Melihat flora dan fauna
- ➔ Taman Merin
- ➔ Selam scuba
- ➔ Bersnorkel



RM189 seorang 3 hari 2 malam

Pakej nilai hebat untuk semua golongan

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

2(a) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Ganesh mendapat tempat dua dalam pertandingan melukis poster.

- ii. Pasangan pengantin baharu itu saling usik-mengusik ketika bersiar-siar di tepi pantai.

- iii. Pemandangan di puncak Gunung Kinabalu nian indah sewaktu matahari terbit.

- iv. Keadaaan menjadi haru-haru apabila khemah untuk tetamu kehormat diterbangkan angin kencang.

BAHAGIAN C
[15 markah]
[Masa dicadangkan: 25 minit]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faedah-faedah memelihara kucing**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Terdapat beberapa faedah apabila kita membela dan menyayangi kucing. Membela kucing memberikan kesan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia seperti kesihatan fizikal, kesihatan mental, cara hidup dan sebagainya.

Salah satu faedah memelihara kucing ialah kita dapat belajar untuk berkongsi rezeki dengan makhluk lain selain manusia. Contohnya, kita akan berkongsi hidup dengan kucing kesayangan seperti berkongsi kediaman, berkongsi makan, minum, kasih sayang dan sebagainya. Secara tidak langsung, hal ini akan menjadikan kita seorang yang pemurah dan baik hati.

Satu kajian yang dilakukan oleh Universiti Columbia mendapati bahawa aktiviti bersama-sama kucing dapat meningkatkan hormon serotonin di dalam badan. Hormon serotonin berfungsi untuk mengawal emosi, iaitu mengurangkan emosi negatif dan membuatkan seseorang menjadi lebih bahagia sekali gus mengurangkan tekanan perasaan dan kesunyian dalam diri. Kajian ini juga mendapati bahawa mereka yang berada dalam kemurungan dapat sembuh apabila berinteraksi dengan kucing.

Seseorang yang memelihara kucing juga dapat membantu anak-anak autisme. Hal ini dibuktikan dengan beberapa kejadian, iaitu kucing memainkan peranan penting dan menjadi pembantu utama dalam terapi untuk anak-anak autisme yang mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi.

Aktiviti dengan kucing dapat merendahkan rembesan kimia bernama cortisol di dalam badan. Kadar cortisol yang tinggi akan meningkatkan tahap kolesterol dan tekanan darah. Risiko untuk meninggal dunia akibat penyakit kardiovaskular bagi mereka yang mempunyai kucing adalah antara 30 hingga 40 peratus lebih rendah berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kucing. Tambahan lagi, risiko untuk seorang pemilik kucing meninggal dunia akibat serangan jantung adalah sangat rendah.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

(Rhona Anak Jiga)
Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Disemak oleh,

(Chong Yuk Wen)
Ketua Panitia Bahasa Melayu

Disahkan oleh,

(Ratnawati Bt Yarabi)
Ketua Bidang Bahasa

Diperaku oleh,

(Puan Jerrah Bt Pandin)
Pengetua, SMK Baru